



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Sidang menteri2 Asean bincang timah

KUALA LUMPUR, Jumaat — Menteri perombongan negara-negara pengeluar bijih timah ASEAN — Malaysia, Indonesia dan Negeri Thai — hari ini membincangkan masalah perusahaan timah masing-masing akibat ketidakpastian yang timbul daripada Perjanjian Timah Antarabangsa keenam.

Mesyuarat dua hari itu yang dipengerusikan oleh Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong, dihadiri oleh Menteri Pertambangan dan Tenaga Indonesia, Prof. Subroto dan Menteri Perindustrian Thai, Tun Chatichai Choonhavan.

Hari ini sidang itu menyemak kedudukan perjanjian keenam itu yang dijangka berkuatkuasa buat sementara pada 1 Julai jika mendapat 65 peratus sokongan negara-negara pengguna timah.

Perjanjian tersebut telah pun mendapat sokongan 80 peratus negara-negara pengeluar. Hanya 50 peratus sokongan diterima daripada negara-negara pengguna setakat ini.

Para menteri difahamkan membincangkan pendirian yang akan diumumkan akiranya perjanjian itu tidak dikuatkuasakan.

Mereka juga akan mengkaji pelan membubuhkan sebuah persatuan negara-negara pengeluar timah yang disyorkan oleh Malaysia.

Syor-syor Malaysia termasuk pemasaran timah secara langsung kepada perusahaan tanpa melalui Pasaran Logam London, mengimbangkan bekalan dan mengadakan penyelidikan pasaran.

GAMBAR: Datuk Seri Dr. Mahathir (kanan) menyambut Prof. Subroto (dua dari kanan) dan Tun Chatichai Choonhavan (kiri) di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur. Datuk Paul Leong (dua dari kiri) hadir sama.